

SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA (RCI)



**Tun Md Raus
Sharif** (Pengerusi)



Tan Sri Zainun Ali
(Timbalan
Pengerusi)



**Datuk Dr Baljit
Singh Sidhu**



Zamri Misman
(Setiausaha)



**Datin Prof
Dr Faridah Jalil**



Laporan RCI Batu Puteh, Bataan Tengah dan Tubir Selatan

Syor siasatan terhadap Tun M

Negara hilang hak kedaulatan selepas keputusan diambil bekas PM

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad selepas negara kehilangan hak dan kedaulatan ke atas Batu Puteh kepada Singapura disebabkan keputusan bekas Perdana Menteri itu ketika mengetuai kerajaan pada 2018.

Usul itu antara yang disyorkan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Bataan Tengah dan Tubir Selatan setebal 217 muka surat yang diedarkan di Dewan Rakyat, semalam.

Laporan akhir yang dinyahklasifikasikan itu diserahkan Pengerusi RCI yang juga bekas Ketua Hakim Negara, Tun Md Raus Sharif kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di Istana Negara pada 12 Ogos lalu.

RCI berkenaan merumuskan Malaysia kehilangan Batu Puteh kepada Singapura selepas Jemaah Menteri yang diketuai Dr Mahathir pada 2018 menarik balik permohonan membatalkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2008.

Pada 23 Mei 2008, ICJ memutuskan Singapura punya hak terhadap Batu Puteh, manakala Bataan Tengah milik Malaysia dan hak milik Tubir Selatan akan ditentukan mengikut persepadaanan perairan negara yang menguasainya.

Malaysia terlepas peluang untuk memohon ICJ membuat se-

makan semula keputusan itu apabila pada 28 Mei 2018, kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang ketika itu diterajui Dr Mahathir menarik balik permohonan itu.

Dalam dokumen laporan akhir ditandatangani tujuh anggota RCI diedarkan semalam, ia merumuskan siasatan jenayah boleh dimulakan ke atas Dr Mahathir mengikut Seksyen 415(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 417 dan Seksyen 418 kanun yang sama.

Seksyen 415(b) merangkumi penipuan dengan sengaja untuk memperdayakan seseorang sehingga mengakibatkan orang itu menyerahkan sebarang harta kepada sesiapa atau memberi atau melakukan sesuatu, yang mana orang itu tidak akan lakukan jika tidak ditipu.

Dokumen itu menyertakan kronologi isu terbabit, termasuk tindakan Malaysia memfailkan permohonan semakan pada 2 Februari 2017, diikuti permohonan tafsiran pada 30 Jun 2017 sebelum ICJ menetapkan tarikh pendengaran lisan kedua-dua permohonan, masing-masing 11 hingga 15 Jun 2018 dan 18 hingga 22 Jun 2018.

Pada 10 Mei 2018, Dr Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri ketujuh dan selepas itu dimaklumkan mengenai permohonan semakan dan permohonan tafsiran berkait Batu Puteh yang akan didengar ICJ sebelum beliau mengarahkan satu sesi taklimat mengenainya diadakan.

“Selepas sesi taklimat pada 17 Mei 2018, Perdana Menteri melalui surat bertarikh 21 Mei 2018 kepada Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah telah mengemukakan pendapat beliau bahawa usaha berkaitan permohonan semakan dan permohonan tafsiran tidak perlu diteruskan.

“Perdana Menteri membawa isu untuk tidak meneruskan permohonan berkenaan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23

Mei 2018 di mana Jemaah Menteri bersetuju dengan pendapat tidak meneruskan kedua-dua permohonan itu,” menurut laporan itu.

Berdasarkan keterangan semua pihak berkepentingan, RCI merumuskan, Jemaah Menteri bersetuju dengan Dr Mahathir semata-mata berpandukan penerangan oleh bekas Perdana Menteri itu, bukan melalui perbincangan menyeluruh.

Siasatan RCI juga merumuskan Dr Mahathir mungkin dengan sengaja mendorong Jemaah Menteri untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan itu walaupun ia bertentangan dengan pendapat perunding antarabangsa bahawa permohonan semakan dan tafsiran itu ada asas dan kebarangkalian untuk berjaya.

Fakta menipu kerajaan

“Suruhanjaya berpendapat satu siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Dr Mahathir atas fakta bahawa beliau telah menipu kerajaan dengan pengetahuan bahawa beliau berpotensi untuk menyebabkan kerugian salah kepada Kerajaan Malaysia.

“Sebagai Perdana Menteri, beliau mempunyai obligasi untuk melindungi kepentingan negara. Suruhanjaya berpendapat Malaysia mempunyai kes yang boleh dihujah dan bukan sangat lemah seperti dinyatakan Dr Mahathir. Oleh demikian, tindakan untuk tidak meneruskan kes di saat akhir adalah amat dikesalkan,” menurut laporan berkenaan.

Menurut RCI, dalam konteks Seksyen 415(b), apa yang perlu ditunjukkan ialah Dr Mahathir telah menipu Kabinet dan dengan sengaja mendorong Kerajaan Malaysia untuk tidak meneruskan permohonan-permohonan itu walaupun keputusan dibuat secara sepihak oleh beliau tanpa kelulusan Jemaah Menteri.

“Sekiranya Jemaah Menteri dibekalkan dengan kertas kuasa

tindakan di ICJ dan pandangan bertulis daripada perunding antarabangsa, Jemaah Menteri berkemungkinan mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan kedua-dua permohonan itu.

“Dengan membuat keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan itu, Dr Mahathir menyebabkan kerugian salah kepada Kerajaan Malaysia. Suruhanjaya mencadangkan agar satu laporan polis dibuat oleh setiausaha suruhanjaya.

“Ia bagi membolehkan satu siasatan jenayah dimulakan terhadap Dr Mahathir atas kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 415(b) dan Seksyen 418 Kanun Keseksaan,” menurut laporan itu lagi.

Menurut RCI, dua ahlinya, Tan Sri Zainun Ali dan Prof Datin Dr Faridah Jalil berpendapat tindakan Dr Mahathir berhubung keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan adalah pengabaian tugas dan tidak terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana peruntukan undang-undang.

Pada masa sama, suruhanjaya berpandangan Malaysia boleh memfailkan semula permohonan tafsiran baharu pada bila-bila masa yang sesuai, namun tidak mencadangkan fail semula permohonan tafsiran.

RCI berkenaan yang ditubuhkan selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 14 Februari lalu selaras dengan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119), mendengar keterangan Dr Mahathir pada 12 Jun lalu dalam prosedur hampir dua jam.

Pada sidang media, bekas Perdana Menteri menafikan membuat keputusan sendiri, sebaliknya diputuskan Kabinet dan pihaknya hanya memberi pandangan kerana pakar undang-undang dan peguam berpendapat ia kes lemah dan Malaysia tiada ‘peluru’ untuk menang.